Hukuman mati adalah hukuman yang dikenakan ke atas seseorang individu yang disabitkan dengan jenayah tertentu bermula dari zaman pra-sejarah lagi. Undang-undang tertua yang dipercayai telah menjatuhkan hukuman mati adalah Kod Sumeria dari Raja Mesopotamia Ur-Nammu yang ditulis pada tahun ke-21 SM. Hukuman mati juga merupakan sebahagian daripada sejarah lain kod undang-undang seperti Hittite Code of Hattusa, Draconian Law of Athens dan Roman Law of Twelve Tables (Knowles, 2015). Pada abad ke-18 SM, Babylonian Code of Hammurabi, didapati telah menjatuhkan hukuman mati untuk lebih daripada 20 jenis jenayah (Dhaliwal, 2014). Jenis-jenis hukuman mati termasuklah pemenggalan kepala, dituang minyak mendidih, rejam menggunakan batu, membakar dan

menggantung. Hukuman seperti ini adalah bertujuan untuk menimbulkan rasa sakit dan penderitaan kepada mangsa sebelum mereka mati.

Selaras dengan peredaran masa, konsep pelaksanaan hukuman mati telah sampai ke Eropah dan Britain pada abad pertengahan. Menjelang tahun 1700-an, 222 jenayah termasuk jenayah kecil seperti mencuri dan menebang pokok telah pun direkodkan, dan kesalahan-kesalahan ini boleh dihukum dengan hukuman mati di Britain (Death Penalty Information Centre, 2018). Pelaksanaan hukuman mati di Britain merupakan pengaruh yang besar terhadap Amerika Syarikat kerana Amerika Syarikat telah memperkenalkan amalan ini ketika peneroka Eropah tiba di sana (Death Penalty Information Centre, 2018). Menjelang tahun 1750-an, pada zaman kolonial gerakan penghapusan hukuman mati telah dimulakan di Massachusetts, Amerika Syarikat melalui karya para ahli falsafah hebat dan ahli kriminologi seperti Cesare Beccaria dan Jeremy Bentham (Dhaliwal, 2014). Mereka mempersoalkan kesan pencegahan hukuman mati dan berpendapat bahawa hukuman tersebut adalah tidak perlu.

Kini hukuman mati masih menjadi isu pendebatan di seluruh dunia. Terdapat banyak negara di dunia yang mempertentukan hukuman mati kepada pesalah sebagai jalan untuk melawan jenayah dan merealisasikan konsep pencegahan. Perubahan masa yang berlaku telah mengubah banyak perkara berkaitan dengan hukuman yang dianggap sebagai *ultimate punishment* ini iaitu bermula dengan perubahan kaedah hukuman hingga timbul perdebatan hangat tentang keperluan peruntukan hukuman mati itu sendiri. Setiap satu hujah yang dikemukakan

mempunyai asasnya yang tersendiri. Mengikut statistik sehingga penghujung tahun 2018, sebanyak 106 negara telah menghapuskan hukuman mati untuk semua kesalahan jenayah manakala 142 negara telah memansuhkan hukuman mati dalam amalan undang-undang mereka. Sekurang-kurangnya 2531 orang telah dihukum mati di 54 buah negara pada tahun 2018 berbanding dengan jumlah 2591 orang pada tahun 2017. Sekurang-kurangnya sejumlah 19,336 orang masih menunggu pelaksanaan hukuman mati di seluruh dunia sehingga penghujung tahun 2018 (Amnesty International, 2018). Terdapat negara tertentu yang menggunakan peruntukan hukuman mati secara agresif, namun terdapat juga yang jarang digunakan atau hanya sekadar wujud dan tidak pernah digunakan. 23 negara Asia dan 36 negara Afrika masih mengamalkan hukuman mati manakala enam negara menggunakan hukuman mati bagi keadaan tertentu iaitu Brazil, Kazakhstan, Israel, El Salvador, Chile dan Peru. Sejumlah 89 peratus pelaksanaan hukuman mati berlaku di tiga negara iaitu Pakistan, Iran dan Arab Saudi manakala daripada jumlah 49 negara Eropah, hanya Belarus mengekalkan serta melaksanakan hukuman mati. Di samping itu, 32 negara mengekalkan hukuman mati, namun tidak melaksanakannya dalam tempoh 10 tahun (Amnesty International, 2018).

Di Malaysia, hukuman paling berat yang boleh dijatuhkan dalam kesalahan jenayah ialah hukuman mati. Malaysia merupakan salah sebuah negara daripada 56 negara di dunia yang masih mengekalkan hukuman mati. Cara dan peruntukan untuk menjatuhkan hukuman mati di Malaysia telah dijelaskan dalam Seksyen 277 Kanun Prosedur Jenayah iaitu mana-mana orang yang telah dijatuhkan hukuman mati hendaklah digantung lehernya sehingga mati. Mengikut peruntukan Seksyen 275

Kanun Prosedur Jenayah, hukuman mati tidak boleh dijatuhkan ke atas perempuan mengandung, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun (Akta Kanak-Kanak, Pindaan 2016) dan individu yang kurang siuman (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Kesalahan jenayah bagi hukuman mati boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati mandatori dan hukuman mati yang bukan mandatori (Aina, 2015). Mengikut undang-undang Malaysia, kesalahan jenayah yang melibatkan hukuman mati adalah berasaskan peruntukan undang-undang seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.1 (Sumber Undang-Undang Malaysia).

Jadual 1.1 Kesalahan yang membawa kepada hukuman mati

Bil	Seksyen	Kesalahan
1.	Seksyen 121 – Kanun Keseksaan.	Berperang atau mencuba berperang atau menyubahati perang melawan Yang Di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang Dipertua Negeri.
2.	Seksyen 121A -Kanun Keseksaan (mandatori).	Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang Di-Pertuan Agong.
3.	Seksyen 130C- Kanun Keseksaan (mandatori)	Melakukan perbuatan penganas.
4.	Seksyen 132 - Kanun Keseksaan. (mandatori)	Menyubahati dahagi, jika dahagi dilakukan oleh sebab subahat itu.
4.	Seksyen 194 - Kanun Keseksaan.	Memberi atau mereka keterangan palsu dengan niat hendak mendapat sabitan atas kesalahan hukuman bunuh.
5.	Seksyen 302 - Kanun Keseksaan. (mandatori).	Seksaan bagi kesalahan membunuh orang.
6.	Seksyen 305 - Kanun Keseksaan.	Menyubahati kanak-kanak atau orang

		gila membunuh diri.
7.	Seksyen 307(2) – Kanun Keseksaan (mandatori).	Mencuba membunuh orang.
8.	Seksyen 364 – Kanun Keseksaan.	Menculik atau melarikan orang dengan tujuan hendak membunuh.
9.	Seksyen 374A – Kanun Keseksaan (mandatori).	Mengambil tebusan dan mengakibatkan kematian.
10.	Seksyen 376(4) – Kanun Keseksaan	Rogol mengakibatkan kematian.
11.	Seksyen 396 - Kanun Keseksaan.	Rompakan berkumpulan serta membunuh orang.
12.	Seksyen 3 – Akta Senjata Api	Melepaskan tembakan dalam melakukan (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta 37 kesalahan berjadual. (mandatori).
13.	Seksyen 3A - Akta Senjata Api	Penalti bagi rakan-rakan sejenayah dalam (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta 37 hal melepaskan tembakan senjata api (mandatori). dihukum bunuh.
14.	Seksyen 7(1) -Akta Senjata Api	Penalti Hukuman Berdagang Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Api.
37.		
15.	Seksyen 3 Akta Culik 1961	Kesalahan dan Hukuman bagi Kesalahan (disemak tahun 1989) (Akta 365). Menculik
16.	Seksyen 39B - Akta Dadah Berbahaya 1952 (mandatori).	Kesalahan bagi mengedar dadah berbahaya atau menawar untuk mengedar dadah berbahaya atau melakukan atau menawar atau melakukan sesuatu perbuatan sebagai persediaan untuk atau bagi maksud pengedaran dadah berbahaya.

\*Sumber: Undang-Undang Malaysia

Walaupun terdapat perlbagai klasifikasi kesalahan yang membawa kepada hukuman mati di Malaysia, namun bagi tujuan kajian ini, penyelidik akan mengkhususkan kajian kepada kesalahan pengedaran dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 sahaja, dan mengkaji keberkesanan hukuman mati terhadap kesalahan tersebut di Malaysia. Anggapan undang-undang di bawah peruntukan Akta Dadah Berbahaya 1952 ialah berdasarkan kepada anggapan berat sesuatu jenis dadah tersebut. Sila rujuk Apendiks A yang jelas menunjukkan berat bagi setiap jenis dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh diklasifikasikan di bawah kesalahan Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana jika disabitkan dengan kesalahan tersebut, seseorang tertuduh boleh dikenakan hukuman mati.

Di Malaysia, hukuman mati mandatori akan dijatuhkan kepada pesalah yang didapati telah disabitkan dengan kesalahan pengedaran dadah di bawah peruntukan Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Tujuan Parlimen memperuntukkan hukuman yang berat adalah bagi mengelakkan orang lain daripada melakukan kesalahan seumpama ini dan memastikan bahawa bekas penjenayah tersebut tidak mengulangi kesalahannya (Clarkson, 2007). Hukuman berat bagi kesalahan pengedaran dadah adalah bagi membanteras kesemua kesalahan yang melibatkan aktiviti dadah (Ho, 2007). Perkara ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan umum kerana aktiviti pengedaran dadah telah didapati mempengaruhi kesejahteraan masyarakat dan berbahaya bagi kesihatan umum memandangkan sifatnya yang menghayalkan. Oleh yang demikian, pelaksanaan hukuman mati terhadap pengedar dadah adalah wajar memandangkan sifatnya yang berbahaya.

Namun demikian, kajian *Amnesty International* telah mengetengahkan beban hukuman mati di Malaysia sebahagian besarnya terpikul di bahu pesalah yang disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah termasuk wanita dan rakyat asing. Sejumlah besar mereka yang dihukum mati, terdiri daripada mereka yang dari latar belakang yang kurang bernasib baik dari segi sosio-ekonomi dan dari kalangan etnik minoriti tertentu (*Amnesty International*, 2019). Menurut Farell (2013), peningkatan penguatkuasaan dan keselamatan yang lebih baik adalah faktor yang didapati menyumbang kepada penurunan 70 peratus jenayah di Amerika Syarikat dari tahun 1993 hingga 2011 dan bukannya hukuman berat seperti hukuman mati. Walaupun kebanyakan negara telah memansuhkan hukuman mati kerana mengambil kira kepentingan hak asasi manusia, namun Malaysia masih lagi mengekalkan hukuman mati untuk jenayah keji seperti pembunuhan dan pengedaran dadah (Edward, Babor, Darke & Hall, 2009). Walaupun hukuman mati dianggap sebagai hukuman yang berat dan tidak dapat dipulihkan, tidak semua kes di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 akan berakhir dengan hukuman mati bagi setiap tertuduh.

Di Malaysia, pengedaran dadah membawa kesan yang serius bukan sahaja kepada bilangan mangsa tetapi turut memberi impak yang tinggi kepada masyarakat sejagat. Hukuman berat yang dikenakan ke atas seseorang perlulah mematuhi sistem keadilan jenayah: - “*...punishment based on historical Code of Hammurabi must fit the crime. In modern civil society, punishment must not be seen to be cruel and inhumane*” (Shafie, 2012).

Pada tahun 2017, terdapat pindaan dibuat kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) 2017 Akta A1558 iaitu peruntukan Seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Akta ini telah dipinda dengan menyatakan bahawa sekiranya tertuduh disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen berkenaan, maka Hakim yang mengadili perbicaraan mempunyai budi bicara sama ada menghukum tertuduh tersebut dengan hukuman gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dengan rotan tidak kurang daripada 15 sebatan. Budi bicara Hakim Perbicaraan tertakluk kepada sejauh mana tertuduh telah membantu pihak polis dalam tergendalanya (*disruption*) aktiviti pengedaran dadah di dalam atau di luar Malaysia (Seksyen 39(2A) Akta Dadah Berbahaya 1952). Perkembangan ini kemudiannya telah membawa kepada perubahan yang lebih drastik di mana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, berkata satu Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tan Sri Richard Malanjum bersama sembilan ahli dilantik menganggotai jawatankuasa tersebut iaitu Tan Sri Zaharah Ibrahim, Edmund Bon, Andrew Khoo Chin Hock, Datin Paduka Seri Zauyah Be T Loth Khan, Thang Ah Yong, Datuk Mah Weng Kwai, Dr. Farah Nini Dusuki dan Prof. Madya Datuk Dr. P. Sundramoorthy. Jawatankuasa Khas ini digubal untuk mengkaji hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori dan membentang hasil kajian yang komprehensif. Hasil kajian tersebut merangkumi laporan setebal 129 muka surat kertas cadangan Rang Undang-Undang di Kabinet. Pindaan akan dilakukan terhadap 11 kesalahan yang menyentuh mengenai hukuman mati mandatori, membabitkan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Perkataan ‘mandatori’ berkemungkinan akan digantikan dengan hukuman penjara seumur hidup atau penjara 30 tahun. Bagaimanapun, pindaan berkenaan

tidak termasuk hukuman mati di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, yang akan dilihat secara berasingan (Berita Harian Online, 5 Mac 2019).

Perkembangan terkini pada 13 Ogos 2020, keputusan mahkamah tertinggi di Malaysia iaitu Mahkamah Persekutuan Malaysia yang diadili oleh 9 orang hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan, dengan keputusan majoriti 8-1, telah memutuskan bahawa hanya Parlimen sahaja yang berhak menentukan hukuman mengenai kesalahan jenayah termasuk hukuman mati. Oleh yang demikian, hukuman mati adalah satu hukuman yang berperlembagaan. Mahkamah tidak boleh campurtangan dalam penghakiman tentang moral, sosial dan isu dasar. Ketua Hakim Malaya Tan Sri Dato' Sri Azahar Bin Mohamed telah menegaskan bahawa badan perundangan bukan sahaja menggubal undang-undang bahkan menentukan jenis hukuman yang patut dijatuhkan oleh mahkamah bagi setiap kesalahan jenayah. Persoalan ini timbul apabila empat orang perayu, iaitu P. Pubalan dan Jorge Crespo Gomes daripada negara Peru, dan Letitia Bosman dan Benjamin William Hawkes daripada negara Afrika Selatan yang disabitkan dengan kesalahan bunuh dan mengedar dadah telah mencabar bahawa hukuman mati mandatori adalah hukuman yang tidak berperlembagaan (Star Online, 14 Ogos 2020).

## **1.2 Penyataan Masalah**

Menurut kajian awal yang telah dijalankan, pelaksanaan hukuman mati mandatori tidak memberi sebarang impak kepada pengurangan kes pengedaran dadah di Malaysia walaupun jumlah pengedar dan penagih dadah semakin bertambah setiap tahun (sila rujuk gambarajah 1.1). Matlamat sosial Akta Dadah Berbahaya 1952 ialah

untuk mencegah pertambahan penagihan dadah dengan menghancurkan perdagangan dadah haram. Namun demikian, hukuman mati untuk pengedar dadah tidak memberi impak kesedaran yang sewajarnya bagi membentras pengedaran dadah di Malaysia (Noor, 2008).

Gambarajah 1.1 menunjukkan jumlah pengedar dadah yang ditangkap sejak tahun 2008 hingga 2019 di mana peningkatan jumlah tangkapan berlaku setiap tahun. Berdasarkan kepada gambarajah 1.1, kadar peningkatan jumlah tangkapan pengedar dadah adalah di antara 100 hingga hampir 1000 orang setiap tahun. Kadar paling tinggi tangkapan adalah di antara tahun 2016 hingga 2017 di mana seramai 966 orang. Namun demikian di antara tahun 2018 hingga 2019 berlaku kadar penurunan tangkapan seramai 61 orang. Ini menimbulkan keadaan situasi yang tegang memandangkan ramai terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah di Malaysia walaupun penguatkuasaan masih dilakukan dengan kerap dan tegas.

Statistik tangkapan mengenai kesalahan pengedaran dadah di Malaysia dan lain-lain tangkapan kesalahan dadah boleh dirujuk di dalam Apendiks B laporan ini. Menurut laporan di Apendiks B, kes yang paling banyak direkodkan adalah kes penagihan di bawah kesalahan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah 1983 di mana sejumlah 1,287,935 orang telah ditangkap sejak tahun 2008 hingga 2019. Manakala sejumlah 676,477 orang telah ditangkap bagi kesalahan memiliki dadah di bawah peruntukan Seksyen 39B, 39A(2), 39A(1), 12(3), 6, 9 dan lain-lain seksyen kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dari tahun 2008 hingga 2019. Daripada jumlah tersebut, seramai

57,550 adalah dikategorikan sebagai pengedar di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Malaysia telah mencapai tahap yang serius dan dianggap sebagai ancaman utama negara menggantikan ancaman komunis.



(Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman 2019)

Gambar Rajah 1.1 : Jumlah Tangkapan Pengedaran Dadah


Menurut maklumat daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, pada tahun 2019 faktor-faktor yang meletakkan penyalahgunaan dadah sebagai ancaman utama negara adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah penagih yang didaftar iaitu lebih kurang 1,287,935 orang dan jumlah wang yang terlibat untuk pemulihan adalah tinggi seperti kos rawatan serta perubatan. Di samping itu, kehilangan tenaga kerja dalam negara telah memberikan kesan yang buruk dan

menyebabkan pelbagai masalah seperti kerugian kepada ekonomi negara, masalah sosial dan peningkatan jenayah.

Walaupun pelbagai tindakan telah diambil seperti penguatkuasaan, pencegahan, rawatan dan pemulihan, tetapi masalah ini tidak menunjukkan tandatanda penurunan malahan telah menjadi bertambah buruk. Pembongkaran tiga kilang makmal haram memproses dadah jenis *Methamphetamine* telah mencatat sejarah sebagai makmal dadah haram yang terbesar di dunia. Makmal-makmal dadah telah diserbu oleh pihak polis di Semenyih, Selangor pada tahun 2004, di Lunas, Kedah pada Jun 2006 dan di Senai Johor pada tahun 2008. Hal ini telah membuktikan bahawa negara kita telah dipergunakan oleh sindiket pengedaran dadah antarabangsa bagi memproses dadah *Methamphetamine* yang bernilai jutaan ringgit (Kamarulzaman, 2008). Makmal dadah terbesar di Malaysia yang melibatkan sindiket antarabangsa yang terkini telah diserbu oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman pada 3 Februari 2020 di Kampung Deralik, Setiawan, Perak. Sebanyak 183 kilogram dadah daripada pelbagai jenis yang dihasilkan dalam bentuk pil, serbuk dan ketulan yang dianggarkan bernilai RM15.5 juta telah dirampas. Manakala sebuah rampasan dadah Heroin yang terbesar di Malaysia telah dilakukan pada 25 November 2019, di Klebang, Ipoh, Perak dengan rampasan sebanyak 109.8 kilogram (Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, 2020).

Pelaksanaan hukuman mati mandatori di negara ini ternyata tidak memberikan impak dan statistik yang memuaskan seperti yang dikehendaki oleh Parlimen. Statistik mengenai perkara ini telah dijelaskan secara terperinci dan

dilampirkan sebagai Apendiks C dalam kajian ini di mana melalui perangkaan sejumlah 1190 orang telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Malaysia sejak tahun 1979 hingga Ogos 2013 bagi semua kesalahan pengedaran dadah. Daripada jumlah tersebut, hanya 16 orang iaitu satu peratus sahaja yang dijatuhkan hukuman (Jabatan Penjara Malaysia, 2013). Banduan yang memperolehi pengampunan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong adalah seramai 54 orang manakala yang masih menunggu pelaksanaan hukuman mati bagi semua kesalahan adalah berjumlah 961 orang. Statistik turut menunjukkan bahawa terdapat seramai 671 orang yang menunggu pelaksanaan hukuman mati sehingga Ogos 2013 (Jabatan Penjara Malaysia, 2013). Daripada jumlah ini, seramai 18 orang telah dipinda hukuman kepada penjara seumur hidup, 63 orang telah dipinda kepada pertuduhan seksyen lain, 78 orang telah dibebaskan, dan seorang telah mati dalam tahanan (Jabatan Penjara Malaysia, 2013). Gambarajah 1.2 dengan jelas menunjukkan jurang perbezaan antara hukuman yang telah dilaksanakan berbanding dengan yang lain.



\*(Sumber Jabatan Penjara Malaysia 2013)

Gambar Rajah 1.2: Pecahan Keseluruhan Kes Sabitan Hukuman Gantung



\*(Sumber Jabatan Penjara 2013)

Gambar Rajah 1.3: Pecahan Kes Sabitan Hukuman Gantung & Pengampunan

Pada tahun 2016, hukuman mati telah dilaksanakan ke atas sembilan banduan manakala 36 orang telah dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah dan dua

orang telah diturunkan hukuman daripada hukuman mati. Seramai 1042 banduan masih menunggu pelaksanaan hukuman mati dan daripada jumlah tersebut, seramai 413 orang adalah warganegara asing (Amnesty International, 2017). Pada tahun 2017, hukuman mati telah dilaksanakan ke atas 4 orang banduan di Malaysia (World Coalition Against the Death Penalty, 2019). Malaysia menduduki tangga keempat di rantau Asia-Pasifik dalam menjatuhkan hukuman mati iaitu sebanyak 190 orang dijatuhkan hukuman mati pada tahun 2019 dan menduduki tempat kelima dalam rantau tersebut sebagai negara yang mempunyai seramai 1275 orang yang menunggu pelaksanaan hukuman mati (Amnesty International, 2018).



\*Sumber: (Jabatan Penjara Malaysia, 2020)

Gambar Rajah 1.4: Data Jumlah Banduan Akhir Di Penjara dari Tahun 2010-2020  
(Bulan Jun)

Sumber data yang terbaru daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa jumlah banduan bagi kes pengedaran dadah semakin meningkat bagi tahun 2010 hingga Jun 2020. Berdasarkan kepada statistik tersebut, jumlah banduan yang menunggu untuk dijatuhkan hukuman mati telah meningkat daripada 667 orang hingga 1308 orang sejak tahun 2010 hingga Jun 2020 di mana peningkatan sebanyak 50 peratus telah dicatatkan. Daripada jumlah 1308, sebanyak 983 kes adalah kes yang melibatkan banduan yang dijatuhkan hukuman mati bagi kesalahan pengedaran dadah (Jabatan Penjara Malaysia, 2020). Ini jelas menunjukkan masih ramai orang yang terlibat dengan kesalahan ini walaupun mengetahui berhadapan dengan undang-undang yang sangat tegas dan serius.

Isu yang menjadi semakin hangat sejak kebelakangan ini adalah kedudukan hukuman mati mandatori bagi pesalah yang dijatuhkan hukuman oleh mahkamah bagi kesalahan pengedaran dadah di mana pelbagai pihak telah mempertikaikannya dan mencadangkan agar hukuman mati dimansuhkan. Keadaan ini telah menimbulkan beberapa persoalan sama ada hukuman mati masih merupakan satu hukuman yang berkesan. Persoalan yang wujud ialah, sekiranya hukuman mati berkesan, mengapakah ramai di antara banduan yang sepatutnya dijatuhkan hukuman mati masih tidak menjalani hukuman gantung lagi. Tambahan pula, masyarakat masih tidak mempunyai kesedaran mengenai keseriusan kesalahan pengedaran dadah dan hukuman berat yang menanti mereka.

Menurut *Global Overview 2011*, hanya 14 hingga 15 negara sahaja yang telah melaksanakan hukuman mati mandatori ke atas pesalahnya bagi kesalahan dadah,

iaitu lebih kurang lima peratus daripada negara di dunia (Gallahue, 2011). Shafie (2012) di dalam artikel beliau menegaskan bahawa keberkesanan hukuman mati telah diperdebatkan oleh beberapa pihak sejak kebelakangan ini di mana mereka menggesa dan mengesyorkan agar hukuman mati harus dimansuhkan sepenuhnya atas beberapa sebab. Antara sebab yang diperdebatkan ialah, hukuman itu adalah zalim dan tidak berperikemanusiaan, hukuman itu tidak boleh ditarik balik jika berlaku kesilapan sabitan, hukuman itu bertentangan dengan piawaian hak asasi manusia dunia, teori pembalasan “hutang darah dibayar darah” tidak lagi diterima dalam prinsip-prinsip hukuman dan hukuman mati tidak mengurangkan jenayah spesifik seperti kesalahan dadah dan bunuh secara umumnya.

Kuasa budi bicara yang diberikan kepada para hakim untuk menjatuhkan hukuman mati bagi kesalahan mengedar tidak dilaksanakan sebaliknya mereka sering memilih untuk mengenakan hukuman penjara seumur hidup. Hal ini telah menimbulkan kekecewaan kepada Peguam Negara. Negara Singapura kini dikatakan lebih liberal dan adil berbanding dengan Malaysia kerana Singapura baru sahaja meminda undang-undangnya berkenaan dengan hukuman mati. Hukuman mati ini adalah satu fenomena yang dipanggil *double jeopardy* kerana seseorang banduan yang dijatuhkan hukuman mati terpaksa berada di dalam penjara sekurang-kurangnya 13 tahun setengah sebelum hukuman mati boleh dilaksanakan. Tempoh hukuman akan dikira bermula dari masa perbicaraan, rayuan perbicaraan, malah merangkumi kelewatan sistem badan pengampunan. Sehubungan dengan itu, proses menunggu ini boleh mencapai masa selama hampir 38 tahun. Jika Malaysia tidak memberikan jaminan bahawa kita tidak akan melaksanakan hukuman mati atau fizikal (*corporal*

*punishment*), maka tekanan antarabangsa akan dikenakan oleh kebanyakan negara terutamanya Eropah ke atas negara kita dalam memenuhi tuntutannya misalnya dalam aspek ekstradisi. Tambahan pula, akan berlaku peningkatan rasuah di mana pengedar dadah sanggup menawarkan seberapa banyak wang sebagai rasuah untuk menyelamatkan diri masing-masing (Shafie, 2012).

Menurut Shaari (2012), pembantu khas kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui artikelnya pula menyarankan agar hukuman mati tidak dimansuhkan kerana tindakan ini akan menyebabkan kes pengedaran dadah meningkat dan menjadi teruk. Tambahan pula, pengedar dadah yang mempunyai situasi kewangan yang stabil boleh melakukan rasuah terhadap pegawai penguatkuasa. Beliau juga membidas pendirian dan kenyataan Datuk Muhammad Shafee Abdullah wakil “*Asean Intergovernmental Commission on Human Rights*” yang menyatakan bahawa hukuman mati harus dimansuhkan kerana ia adalah kejam, tidak berperikemanusian dan bertentangan dengan hak asasi manusia mengikut piawaian dunia serta tidak menurunkan kadar jenayah tertentu seperti jenayah bunuh dan dadah. Pemansuhan hukuman mati akan membebankan pembayar cukai dalam jangkamasa yang panjang dan pihak penjara juga tidak berkemampuan untuk menampung banduan penjara yang dibebaskan daripada tali gantung.

Menurut Raj (2012), seorang penyunting suratkhabar The Star pula berpendapat bahawa beliau bersetuju hukuman mati tidak menurunkan kadar jenayah bunuh, penagihan dan pengedaran dadah tetapi beliau masih mengesyorkan hukuman mati untuk dikekalkan kerana menurutnya, ramai ahli keluarga telah mati ditangan

penjenayah kejam atas pengaruh dadah. Beliau turut mengulas bahawa ramai banduan yang menangis dan meminta untuk berjumpa dengan ahli keluarga mangsa untuk merayu pengampuan atas kesalahan mereka apabila badan pengampunan menolak rayuan yang mereka kemukakan untuk tidak berdepan dengan hukuman gantung. Oleh itu, beliau mencadangkan agar rintihan dan penderitaan banduan yang bakal berdepan dengan hukuman mati ini disiarkan melalui media massa supaya rakyat sedar akan keperitan hukuman ini. Beliau juga bersetuju dengan pendapat Profesor Madya Dato' Dr P. Sundramoorthy, bahawa perlu ada satu ukuran dalam menjatuhkan hukuman kepada mana-mana pesalah di mana hukuman itu mestilah sepadan dengan kesalahan yang dilakukan dan bukannya mengikut kehendak budi bicara hakim dan peruntukan undang-undang yang terlalu “rigid”. Satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji keberkesanan hukuman berat bagi mencegah jenayah serius memandangkan belum ada sebarang penyelesaian yang ketara mengenainya sehingga kini (Sundramoorthy, 2012).

Penghapusan hukuman mati mandatori untuk pengedar dadah dilihat sebagai tindakan yang agak luar biasa oleh pihak Kerajaan Malaysia kerana undang-undang dadah kerajaan Malaysia adalah sangat ketat. Ketegasan pemerintah dan kehakiman Malaysia mengenai undang-undang dadah dapat dilihat dalam penghakiman yang disampaikan oleh Raja Azlan Shah, bekas Ketua Hakim Negara Malaysia dalam kes rayuan, Chang Liang Sang & Ors lwn Pendakwa Raya [1982] 2 MLJ 231, di mana beliau berkata:

*“Other than in the most exceptional circumstances, a sentence of death should be imposed following a conviction for trafficking, in order to mark the gravity*

*of the offence, to emphasize public disapproval, to serve as a warning to others, to punish the offenders and most of all to protect the public.”*

Sithambaram (2005) menyatakan bahawa terdapat tiga prinsip utama hukuman iaitu pembalasan, pemulihan dan pencegahan. Pembalasan bertujuan untuk mendapatkan keadilan bagi mangsa kesalahan jenayah tersebut atau dengan kata lain membetulkan yang salah. Seseorang yang telah melakukan kesalahan mesti dihukum dan menanggung akibat daripada tindakannya. Hukuman juga harus menjadi pencegah untuk mengurangkan jenayah di masa depan. Selain itu, hukuman seperti hukuman penjara hanya berfungsi sebagai masa memulihkan pesalah, masa untuk merenung kesilapan tindakan mereka dan bertaubat untuk menjadi orang yang lebih baik. Pencegahan dihubungkait dengan sifat hukuman yang tidak mampu seperti hukuman penjara dan hukuman mati.

Berdasarkan kepada semua fakta yang dinyatakan dalam pemasalahan kajian ini, terdapat dua pendapat yang amat berbeza dan bercanggah antara satu sama lain di mana ada yang menyokong agar hukuman mati diteruskan manakala pihak yang satu lagi mengesyorkan agar hukuman berat ini dimansuhkan dengan serta-merta. Di samping itu juga, pihak organisasi bukan kerajaan seperti Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM), Persatuan Hak Asasi Manusia Nasional (HAKAM) dan Majlis Peguam Malaysia mendesak penghapusan hukuman mati secara bersama-sama. Perkembangan terkini pada 20 November 2020, SUHAKAM telah menghargai dan mengiktiraf pendirian kerajaan Malaysia kerana telah menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk meletakkan moratorium ke atas perlaksanaan

hukumana mati. Pada 17 November 2020, melalui Perhimpunan Agung PBB, 120 buah negara termasuk Malaysia telah bersetuju untuk melaksanakan moratorium terhadap hukuman mati, serta bersetuju menjamin hak untuk perbicaraan yang adil dan menghadkan pelaksanaan hukuman mati bagi semua kesalahan serius sehingga mendapat kata putus untuk pemansuhan hukuman mati tersebut (SUHAKAM, 2020).

Memandangkan terdapat percanggahan ideologi mengenai fakta hukuman mati ini bagi kesalahan pengedaran dadah, maka penyelidik bercadang untuk membuat satu kajian ke atas keberkesanan dan kesesuaian hukuman mati bagi kesengedaran dadah di Malaysia. Penyelidik mengkaji sama ada hukuman mati adalah langkah pencegahan yang berkesan untuk kes pengedaran dadah di Malaysia atau tidak serta mencadangkan satu penilaian polisi kepada kerajaan hasil daripada kajian yang dijalankan ini.

### **1.3 Skop Kajian**

Walaupun kajian bagi topik ini amat luas, namun penyelidik hanya akan menekankan kepada hukuman mati dalam aspek kesalahan pengedaran dadah di Malaysia. Kajian hukuman mati ini difokuskan khasnya kepada kesalahan pengedaran dadah dan undang-undang yang berkaitan dengannya, serta masalah perlaksanaan dan pendapat individu atau kumpulan yang bijaksana dan arif tentang perkara ini. Skop kajian adalah berpandukan kepada sumber primer yang diperolehi daripada responden kajian ini yang diperolehi daripada responden agensi penguatkuasaan utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) amnya dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), serta lain-lain agensi seperti Jabatan Kehakiman

Negara, Jabatan Peguam Negara, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), ahli Pegam daripada Majlis Peguam dan Jabatan Penjara Malaysia. Manakala sumber data kajian sekunder daripada semua kajian lepas dan melalui semua sorotan karya yang ditulis oleh penyelidik atau penulis lain. Segala data yang dikumpulkan juga banyak berkisarkan kepada ulasan dan pendapat para penguatkuasa undang-undang dadah, pengamal undang-undang, badan perundangan dan kehakiman yang terlibat secara langsung dalam pencegahan aktiviti dadah.

Kajian juga secara tidak langsung menyentuh serba sedikit tentang cara penguatkuasaan dan siasatan polis dalam kes-kes jenayah dadah di Malaysia di mana penyelidik mengkaji corak pengedaran dadah tersebut, apakah masalah perundangan yang timbul secara lebih mendalam bagi menetapkan satu hukuman bagi pengedar dadah serta apakah cadangan bagi memperbaiki pemasalahan tersebut. Namun demikian, skop kajian utama adalah mengenai keberkesanan dan kesesuaian hukuman mati bagi kesalahan pengedaran dadah serta membuat cadangan sama ada hukuman mati itu perlu diteruskan atau dimansuhkan ataupun diteruskan dengan modifikasi tertentu.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah seperti berikut: -

- i. Apakah persepsi pegawai penguatkuasa undang-undang terhadap tahap pengedaran dadah di Malaysia?
- ii. Apakah persepsi pegawai penguatkuasa undang-undang terhadap keberkesanan dan kesesuaian hukuman mati di Malaysia?

- iii. Apakah pengaruh hukuman mati ke atas tahap pengedaran dadah di Malaysia?

### **1.5 Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan, objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i. Menganalisis persepsi pegawai penguatkuasa undang-undang terhadap tahap pengedaran dadah di Malaysia.
- ii. Menilai persepsi pegawai penguatkuasa undang-undang terhadap keberkesanan dan kesesuaian hukuman mati di Malaysia.
- iii. Menyimpulkan pengaruh hukuman mati ke atas tahap pengedaran dadah di Malaysia.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan di mana tiada kajian lain sebelum ini yang dijalankan bagi menilai tahap keberkesanan hukuman mati mandatori bagi kesalahan pengedaran dadah di Malaysia. Sejajar dengan itu, kajian ini dapat mewujudkan satu mekanisma dengan menghasilkan dapatan kajian yang menjelaskan keberkesanan hukuman mati mandatori. Selain itu, hasil kajian ini boleh menjadi bahan rujukan bagi panel undang-undang dalam melakar mahupun mengubah keputusan hukuman mati mandatori ini kepada hukuman lain pada masa akan datang.

Seterusnya, hasil kajian ini juga menyumbang kepada bidang pengetahuan berkaitan dengan aspek kriminologi di Malaysia. Disebabkan dalam kajian ini telah

memuatkan semua data terkini berkaitan dengan tahap kriminologi maka, penyelidik luar dan dalam negara dapat memanfaatkan dengan hasil pelaksanaan kajian ini. Selain itu, pegawai perundangan turut dapat meneliti pendapat para pegawai yang ditempatkan di penjara dalam melaksanakan hukuman mati mandatori ini sebagai penawar atau penyelesaikan masalah kepada kesalahan pengedaran dadah. Kajian ini menilai keberkesanan dan kesesuaian hukuman mati dalam pencegahan kes pengedaran dadah di Malaysia. Bukti empirical menunjukkan pelbagai faktor yang menghambat keberkesanan hukuman mati dalam usaha kerajaan membanteras pengedaran dadah di negara ini. Kajian ini akan memanfaatkan pelbagai pihak termasuklah Jabatan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, badan-badan penguatkuasa, dan institusi-institusi pengajian termasuk Universiti Sains Malaysia.

### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini dibataskan kepada golongan pegawai penguatkuasa undang-undang dan pengamal undang-undang iaitu PDRM, KDRM, APMM, AADK, Jabatan Penjara Malaysia, Timbalan Pendakwaraya atau Majistret dan Peguam yang terlibat secara langsung dalam sistem keadilan jenayah dalam menguatkuasakan undang-undang terhadap kesalahan pengedaran dadah di Malaysia. Tujuan kajian ini dibataskan kepada golongan ini adalah kerana mereka merupakan pemain utama dan pelaksana tugas harian dalam menguatkuasakan undang-undang terhadap kesalahan pengedaran dadah di Malaysia. Tambahan pula, mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang penguatkuasaan kesalahan pengedaran dadah yang mana mereka adalah responden yang amat sesuai dalam memberi ulasan dan